



Dakwah Issues: Introduction to Values and Activities of Interpersonal Ethic

By: Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit

Discourses of interpersonal ethic have found many mistakes, especially for those who do not believe in religion as the way of life, like in the West.

This article presents alternatives of value and activity in interpersonal ethic using in the pluralistic society, like Malaysia. It explains the background of value and activity of interpersonal ethic from its source, meaning, activity base and its significance. It adds with discourses from previous scientist. It seems similar the Islamic discourse of interpersonal ethics with the discourse of Moslem personalities.

The main purpose of interpersonal ethic discourse is to find the able term to analize interpersonal ethic it self. At the end of the article, it explains the parts of interpersonal activities which are important for everybody, especially for Da'i in their field.

دراسة مسائل الدعوة: التعرف على القيم و المعاملة بين الأشخاص
أخذت المباحثة في أخلاق التعامل بين الأشخاص على وجه يقبلها جميع الأطراف، تنتهي إلى القيم التي تحرّف عن الحق خاصة فيما رأه الغرب الذين لا ينتمون بآيّ دين. يقدم هذه المقالة اقتراحات كيف تنفيذ القيم المشتركة و التعامل الحسن بين الناس في مجتمع يختلف فيه دين و عرق من واحد إلى آخر مثل ما كان في ماليزيا.

تناول هذه المقالة القيم المشتركة من حيث خلفيتها و أسس التعامل البشري ابتداء من أصولها و مفاهيمها و أدتها و أهميتها بنظرها من ناحية الآراء المعاصرة مع مقارنتها بأراء القدماء. يشبه الكلام في الأخلاق البشري نفس ما هو عليه من الكلام في شخصية حميدة أو أخلاق كريمة عند الإسلام. والغرض الأساسي منه هو البحث عن فدوة مثلى يصلح استخدامها لتقديم تطورات الأخلاق البشريّة و الوقوف على تصرفات يقوم بها شخص بكل تفاصيلها و تقديم معلومات هامة للدعاة علينا لهم، قبل أن يعملا في ميادين أعمالهم.

Perbincangan mengenai etika interpersonal yang lebih global telah menemukan beberapa kekeliruan khususnya kepada mereka yang tidak mempercayai agama sebagai satu pegangan hidup seperti di Barat. Artikel ini memberikan beberapa alternatif tentang bagaimana nilai dan amalan etika interpersonal itu harus dilakukan terutama sekali di dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia.

Artikel ini menyorot latarbelakang nilai dan amalan etika interpersonal bermula daripada sumber, pemahaman, dasar amalan dan kepentingannya yang dilihat dari sudut kontemporal dan disulami dengan perbincangan-perbincangan ilmuan yang terdahulu. Di dalam Islam perbincangan mengenai etika interpersonal mirip dan menyerupai perbincangan berkaitan keperibadian mulia atau sahsiah diri atau personalia Islam atau akhlak Islam. Tujuan asas perbincangan etika interpersonal ini adalah untuk mencari satu piawaian yang boleh diguna pakai sebagai menilai tahap etika interpersonal. Keakhiran daripada artikel ini ialah mengetahui tentang sudut-sudut nilai amalan interpersonal yang diakui sangat penting di dalam setiap individu dan juga sebagai satu bekalan untuk golongan Da'i dalam mengukur tahap interpersonal sebelum terjun ke medan dakwah.

Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit Pensyarah pada Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia



Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit



Kajian Isu-Isu dakwah: Pengenalan Nilai¹ Dan Amalan Etika² Interpersonal³

Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit

LATAR BELAKANG

Perbincangan yang berlarutan berkaitan dengan piawaian etika yang sepatutnya digunakan samada secara individu atau masyarakat telah menimbulkan satu konflik masyarakat yang teramat serius. Anehnya perbincangan ini tidak menemukan satu titik pertemuan selari berkaitan konsep, asas dan dimensi etika yang boleh digunakan oleh masyarakat sejagat. Perkara ini berlaku kerana banyak sebab. Antaranya etika banyak dipengaruhi oleh sifat dalaman manusia yang menjadikannya sukar untuk diukur ditambah lagi dengan perbuatan yang tidak menunjukkan sifat dalaman seseorang. Selain itu, kewujudan nilai-nilai murni yang difahami berdasarkan kepada tamadun manusia juga tidak sama dan berbeza-beza. Kemurnian didikan dan ajaran agama juga tidak dapat membantu menemukan satu etika sejagat yang boleh diguna pakai.

¹ Nilai adalah sebahagian daripada moral iaitu satu bentuk perlakuan yang didasarkan kepada sesuatu yang membina, baik dan berfaedah. Umpamanya seseorang yang menghayati nilai bertanggungjawab maka akan terseriah nilai-nilai tersebut di dalam perlakuannya sehari-harian tanpa adanya tekanan atau dorongan yang serius.

² Etika berasal daripada perkataan Yunani, iaitu 'ethos' yang bermaksud adat resam, kebiasaan dan rutin. Bahasa Latin pula menggunakan perkataan 'mores' untuk tujuan dan maksud yang sama. Oleh itu, etika dan moral mempunyai bidang kajian yang serupa. Di dalam agama Islam konsep ini dikenali sebagai 'akhlik'.

³ Interpersonal adalah istilah komunikasi yang digunakan untuk menggambarkan hubungan antara dua individu atau antara individu dengan kelompok masyarakatnya. Hubungan ini juga melibatkan tanggapan dan perasaan dalaman seseorang tersebut. Oleh itu, interpersonal melihatkan tiga perkara. Sifat dalaman individu, perlakuan individu dan penerimaan masyarakat terhadap perlakuan individu.



Rentetan daripada itu, banyak penulis mengemukakan berbagai idea dan pandangan untuk menemukan satu asas kepada penggunaan etika yang seimbang. Warnock (1979) umpamanya, telah mengetengahkan teori etika utilitarianisme yang bermaksud etika itu hendaklah berpegang kepada prinsip bahawa seseorang itu sepatutnya melakukan sesuatu tindakan yang akan menghasilkan kebaikan yang paling banyak kepada kelompok masyarakat. Malangnya idea ini dikatakan lebih bersifat ‘official’ sahaja kerana ianya tidak dapat mengukur maksud dalaman seseorang yang melakukan tindakan tersebut.⁴ Jean Paul Sartre (1905) pula mengemukakan idea eksistensialisme yang mengukur etika sebagai satu perbuatan yang lahir daripada pemikiran manusia semata-mata. Idea ini juga tidak mempunyai asas yang kukuh kerana sesuatu tindakan selalunya disalah anggap oleh orang lain.⁵

Idea yang paling tua dikemukakan dan menjadi pegangan sebahagian besar manusia adalah idea yang datangnya daripada agama-agama yang dianuti. Pegangan agama pada asasnya adalah amalan nilai-nilai murni dari didikan kalbu hingga diwujudkan dalam bentuk tindakan-tindakan tertentu. Walaupun idea ini mempunyai kelebihannya seperti wujudnya pertentangan sensitiviti agama sehingga lahirnya ekstremsis agama tetapi amalan dan pegangan nilai sekurang-kurangnya menemukan satu titik persamaan amalan nilai sejagat. Etika keagamaan ini kemudiannya telah disulami dan dihiasi dengan amalan budaya murni sesetengah masyarakat. Amalan ini berbeza dari satu tamadun ke tamadun yang lain dan dari satu kelompok masyarakat ke kelompok masyarakat yang lain yang ditandakan dengan kewujudan berbagai suku kaum dan bangsa.

Lanjutan daripada tidak adanya piawaihan yang tepat berkaitan pemahaman dan amalan etika ini telah melahirkan banyak kekeliruan dan kesamaran berkaitan dengan amalan interpersonal. Istilah interpersonal adalah satu istilah komunikasi yang lahir daripada tanggapan, perasaan dan

⁴ Lihat penghurian berkaitan dengan etika Utilitarianisme dan Egoisme merangkumi maksud, sifat dan perlaksanaannya di dalam buku, Warnock, G.J. 1979. Introduction. Dalam Mills, J.S. Utilitarianism. Disunting oleh Warnock. M. Glasgow: Collins Fount Paperbacks.

⁵ Penulis ini menghuraikan bahawa teori etika eksistensialisme adalah sesuatu yang datang bersama manusia ataupun dianggap sebagai sesuatu nilai yang semulajadi yang merangkumi nilai-nilai baik dan sebaliknya. Manusia menurut penulis ini mempunyai etika eksistensialisme yang seimbang. Suasana, masa dan zaman yang akan menentukan penonjolan samada etika baik atau buruk.



tindakan individu terhadap individu yang lain. Daripada keadaan asas ini akhirnya dilebarkan kepada bentuk berkelompok atau bermasyarakat. Istilah interpersonal ini juga difahami dengan hubungan individu dengan individu yang lain ataupun kadang-kadang menggunakan istilah keperibadian ataupun istilah sahsiah diri. Ianya adalah satu asas kepada pembentukan peribadi merangkumi tanggapan dan perasaan yang dilahirkan dalam bentuk perkataan dan tindakan. Amalannya secara berkelompok akan menjadikan sesuatu masyarakat atau bangsa itu di anggap mulia, bertatasusila dan beretika.

SUMBER-SUMBER ETIKA INTERPERSONAL

Sebelum perbincangan yang lebih mendalam berkaitan dengan etika interpersonal ini, perlu diketahui dan diselidiki terlebih dahulu dari mana sumber kemunculan etika ini. Walaupun begitu, sumber-sumber yang diutarakan hanyalah berbentuk altenatif atau dengan lain perkataan wujud sumber-sumber lain yang menyokong kewujudan etika interpersonal ini yang tidak diutarakan kerana ianya berbentuk sifat dalaman individu yang mempraktikannya. Antara sumber-sumbernya adalah seperti berikut;

- i. Amalan dan praktik nilai-nilai di dalam agama.⁶

Sekian lama kewujudan agama telah menjadi pegangan kukuh umat manusia di dalam kehidupan. Doktrin agama bukan sekadar teori dan praktik teologi semata-mata atau memahami konsep-konsep paranormal di dalam agama atau berkaitan dengan amalan-amalan ritual khusus agama malahan ianya lebih besar dan lebar daripada itu. Sesuatu yang harus difahami berkaitan dengan agama ini adalah amalan nilai-nilai murni yang berkaitan dengan kehidupan beragama. Perkara ini berdasarkan kepada tidak ada satu agama yang lahir di dunia ini yang mengajar penganut-penganutnya melakukan sesuatu tindakan yang tidak berfaedah dan mendatangkan keburukan. Umpamanya, jika di dalam agama Islam wujud satu sagnen khusus berkaitan hal ini yang disebut sebagai ‘akhlak’. Amalan dan praktik

⁶ Nilai-nilai agama pada dasarnya adalah satu bentuk pengajaran nilai-nilai murni yang mempunyai hubungan dengan sifat-sifat keagamaan seperti patuh kepada tuhan, amalan rukun-rukun agama dan scumpamanya. Ilmuwan Barat cuba memisahkan dua rangkuman ini, iaitu dengan hanya mengambil nilai-nilai murni dan meninggalkan sifat-sifat keagamaan yang dibawa. Oleh itu, dilihat amalan nilai-nilai murni di Barat tidak mempunyai asas yang kukuh.



nilai-nilai agama ini telah diwarisi sekian lama dan ada sesetengahnya yang telah diwarisi semenjak zaman sebelum Masihi lagi.

Berdasarkan kepada kekuahan amalan agama ditambah pula dengan perkembangannya maka amalan nilai-nilai murni ini adalah satu amalan yang berbentuk individu. Maksudnya setiap seorang daripada penganut sesuatu agama itu mesti mempraktikkannya. Jika tidak, maka individu tersebut tidak dianggap seorang penganut agama yang baik. Praktik nilai-nilai murni di dalam agama telah melahirkan insan yang dianggap mulia dan beretika. Kemuliaan ini disebut dengan berbagai gelaran umpamanya Ulama, Paderi, Sami, Utusan tuhan, anak tuhan dan sebagainya. Amalan nilai-nilai murni ini bertambah kukuh dengan utusan-utusan agama yang disuruh untuk menyampaikan agama ini kepada semua orang.

ii. Adat resam dan budaya.⁷

Adat resam lebih merujuk kepada sesuatu tindakan berkelompok yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Sebahagian daripada adapt resam dan budaya masih mempunyai hubungan yang sinonim dengan amalan dan praktik agama tetapi sebahagian besarnya telah diubah suai mengikut kepentingan masyarakat yang mengamalkannya dengan mengambil kira juga kesesuaian waktu dan zaman. Contohnya, amalan menghormati dan mengutamakan orang-orang yang lebih tua walaupun terdapat di dalam agama tetapi cara dan bentuk penghormatan tersebut telah disesuaikan dengan keadaan masa, zaman dan tempat. Oleh kerana itu, generasi yang terkemudian kadang-kadang tidak mengetahui bahawa itu adalah ajaran agama sebaliknya lebih mengetahui bahawa perkara tersebut adalah warisan ibu bapa dan nenek moyang mereka.

Perkara asas di dalam pendidikan dan pengajaran ibu bapa terhadap anak-anak adalah berdasarkan pengalaman ibu bapa tersebut sebelum itu. Ini bermakna jika adat resam dan budaya sesuatu kelompok masyarakat itu tidak diturunkan maka tidak ada lagi asas yang kukuh untuk dijadikan pengajaran. Intipati dari adat resam dan budaya ini pula pada kebiasaannya adalah berbentuk amalan nilai-nilai murni walaupun ada sebahagiannya

⁷ Adat resam dan budaya adalah merangkumi praktik manusia yang dilakukan secara berkelompok dan diamalkan secara warisan dari satu generasi ke generasi yang lain. Ini bermaksud amalan dan praktiknya merangkumi adat-adat animisme, agama dan kebudayaan. Lihat penghuraianya di dalam Hunter, G. 1966. *Southeast Asia: Race, Culture and Nation*. London: Oxford University Press.



yang berbentuk khurafat dan tidak berasas tetapi mempunyai asas-asas yang kukuh untuk pengajaran. Pengamalan nilai-nilai murni di dalam adat resam dan budaya adalah penentu kepada generasi yang beretika terutama sekali dalam bentuk interpersonal.

iii. Sifat kendiri.

Sifat kendiri adalah sifat dalaman seseorang yang akhirnya diterjemahkan di dalam bentuk tindakan. Sifat kendiri ini banyak dipengaruhi oleh pendidikan dan pengajaran samada yang berbentuk formal atau informal. Terdapat juga sifat kendiri yang diperolehi secara warisan umpamanya sifat pendiam yang ada pada seseorang mungkin diwarisi daripada ibu bapanya yang juga bersifat bergitu. Sesuatu yang mengubah sifat kendiri ini adalah suasana, keadaan masa dan tekanan. Umpamanya, jika seseorang itu bersifat pasif dan tidak banyak berkomunikasi semasa hidupnya di kampung tetapi apabila berhijrah ke ibu kota individu tersebut perlu bersifat aktif dan banyak berkomunikasi. Oleh yang demikian, manusia perlu sentiasa mengubah sifat kendirinya dari sesuatu yang baik kepada yang lebih baik pada masa-masa akan datang.

Seperkara lagi, jika diteliti terhadap perkembangan sifat kendiri ini, perkara asas yang perlu ada pada diri seseorang untuk memperbaiki sifat dan tindakannya adalah motivasi diri yang tinggi. Tidak dapat dibayangkan bagaimana kehidupan dan hubungan interpersonal seseorang itu jika tidak mempunyai motivasi yang dapat membantunya mencapai sesuatu cita-cita. Keakhiran daripada sifat kendiri ini jika dikaitkan dengan hubungan interpersonal ialah kecemerlangan hidup. Oleh yang demikian, adalah pentin bagi seseorang itu mempunyai sifat kendiri yang positif dan disertai dengan motivasi yang tinggi untuk menunjukkan dirinya itu beretika.

PEMAHAMAN NILAI DAN AMALAN INTERPERSONAL DALAM ISLAM

Secara tipikalnya pemahaman umum kepada nilai dan amalan etika interpersonal dalam Islam merangkumi maksud, ciri-ciri dan sifat-sifatnya dinukilkan di dalam contoh-contoh berikut yang diambil daripada sumber primer Muslim iaitu al-Quran dan Sunnah:

I

Banyak contoh-contoh mengenai nilai dan amalan etika interpersonal ini di dalam al-Quran yang pendekatannya adalah mengenai seseorang yang sentiasa mahu memperbaiki pekerjaannya daripada satu tahap ke satu tahap



dalam apa juga bidang pekerjaan yang diceburi. Ayat-ayat al-Quran yang menandakan sedemikian adalah seperti maksud firman Allah s.w.t: "Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang sentiasa memperbaiki pekerjaannya" (7:56) Maksud firman Allah s.w.t lagi: "Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami, sesungguhnya kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan) dan sesungguhnya pertolongan dan bantuan Allah adalah berserta orang-orang yang herusaha memperbaiki pekerjaannya" (29:69) dan maksud firman Allah s.w.t lagi: "...(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah (mematuhi perintahNya) sedang ia pula berusaha memperbaiki pekerjaannya, maka ia akan beroleh pahalanya dari sisi tuhannya dan tidak akan bimbang dari sesuatu kejadian yang tidak baik dan mereka pula tidak akan herukacita" (2:112)

II

Hadis Nabi pula menggambarkan nilai dan amalan interpersonal itu sebagai sifat ikhlas dan bersederhana dalam melakukan sesuatu perbuatan dan pekerjaan. Sifat ini digambarkan sehingga keperingkat walaupun seseorang itu melakukan pekerjaan tanpa ada pemantauan daripada sesama manusia tetapi tetap ada pemantauan daripada tuhan. Ini bersesuaian dengan maksud hadis: "Pada suatu hari ketika kami sedang duduk bersama-sama Nabi, tiba-tiba datang seorang lelaki yang pakaiannya sangat putih dan rambutnya sangat hitam. Tidak ada kesan-kesann bekas perjalanan seperti debu dan lainnya pada diri lelaki tersebut dan tidak ada seorang pun dari kami yang mengenalinya. Kemudian dia duduk menghadap Nabi dengan menyandarkan dua lututnya kepada dua lutut Nabi lalu berkata: "Wahai Muhammad beritahu aku mengenai Islam?" Jawab baginda: "Hendaklah engkau bersaksi bahawa tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah. Dan engkau dirikan sembahyang, engkau keluarkan zakat, engkau berpuasa hulan Ramadhan, engkau menunaikan Haji jika engkau berkemampuan" Lelaki itu berkata: "Betul...!" Kami tercengang melihat lelaki itu kerana ia bertanya Nabi dan mengesahkan jawaban baginda. Kata Umar a.s, lelaki itu berkata lagi: "Wahai Muhammad beritahu aku mengenai iman?" Baginda menjawab: "Hendaklah kamu percaya kepada Allah, Malaikat-MalaikatNya, kitab-kitabNya, Rasul-



Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit



*"RasulNya, hari akhirat dan percaya kepada hukum dan takdir Allah samada baik atau jahat" Lelaki itu berkata: "Betul..."! Lelaki itu berkata lagi: "Beritahu aku mengenai ehsan?" Jawab Nabi: "Hendaklah engkau menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya. Jika engkau tidak dapat melihatNya, maka percayalah bahawa Dia melihat engkau"(Muslim) Satu lagi hadis yang menggambarkan sifat-sifat kesederhanaan berkaitan dengan doktrin nilai dan amalan etika interpersonal ini ialah seperti maksud hadis: *Naluri adalah modalku, akal fikiran sumberku, cinta adalah dasar hidupku, rindu adalah tungganganku, herzikir adalah kawan dekatku, keteguhan perhendaharaanku, duka adalah kawanku, ilmu adalah senjataku, ketabahan adalah pakaianku, kerelaan sasaranku, kesederhanaan adalah kebanggaanku, menahan diri adalah pekerjaanku, keyakinan makananku, kejujuran peantarku, ketaatan adalah ukuranku, berjihad perangaiku dan hiburanku adalah dalam sembahyang" (Muslim)**


III

Para ilmuan Islam memberikan pendapat yang berbeza-beza berkaitan dengan nilai dan amalan interpersonal ini. Tetapi pendapat yang berbeza tersebut dapat disimpulkan bahawa nilai dan amalan interpersonal itu adalah sifat-sifat *Mahmudah* manusia dalam berurusan dengan tuhan dan berurusan sesama manusia. Imam al-Ghazali menyimpulkan etika itu sebagai *Wala'* atau ketaatsetiaan samada pada ajaran agama atau kepada manusia yang sepatutnya. Beliau menggambarkan etika itu sebagai pelengkap kepada budipekerti manusia. (al-Ghazali, 1988:13) Menurut Ibn Taymiyyah nilai dan amalan interpersonal Islam ialah tindakan yang baik dan positif dalam melakukan sesuatu pekerjaan hasil daripada naluri yang dididik dengan nilai-nilai yang murni. Oleh itu pada pendapat beliau didikan dalaman atau naluri hendaklah diutamakan agar dapat melahirkan tindakan-tindakan yang baik. (Ibn Taimiyyah, t.th: 43)

Rangkuman daripada pemahaman berkaitan dengan nilai dan amalan etika interpersonal Islam seperti yang telah diuraikan di atas dapatlah disimpulkan seperti berikut;

Sifat ingin sentiasa memperbaiki diri dalam pekerjaan rutin yang dilakukan oleh seseorang.

Sifat-sifat ikhlas, jujur, amanah dan bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu perbuatan atau pekerjaan walaupun dengan ketiadaan pemantauan sesama manusia kerana wujudnya pemantauan daripada tuhan.



Sifat-sifat kesederhanaan dalam melakukan sesuatu tindakan tanpa adanya berlebih-lebihan dalam beberapa tindakan sahaja.

Sentiasa berfikir untuk menghasilkan tindakan-tindakan yang baik dan positif.

Amalan nilai-nilai murni diutamakan di dalam melakukan sesuatu tindakan.

DASAR AMALAN ETIKA INTERPERSONAL

Di dalam amalan dan praktik interpersonal di dalam kehidupan manusia terdapat beberapa dasar dan intipati yang menjadi tujuan penting untuk ditonjolkan, antaranya adalah;

i. Amalan nilai-nilai murni.

Menurut Rokeach (1973), amalan dan praktik nilai-nilai murni adalah berfungsi sebagai ukuran yang membantu individu mengenalpasti kedudukannya di dalam sesuatu isu sosial atau moral. Tegasnya, nilai bukan sahaja memberi satu tunjuk arah kepada seseorang tentang bagaimana dia patut berkelakuan terhadap orang lain, malah bagaimana untuk menilai tingkahlaku sendiri serta orang lain. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa amalan nilai-nilai menyediakan satu piawai yang asas dan kekal (konsisten) supaya dapat membantu individu dalam pemikiran dan perlakuannya.⁸

Al-Ghazali di dalam bukunya *Ihya' Ulumuddin* telah menggariskan beberapa kefungsian amalan nilai murni di dalam kehidupan. Antaranya amalan nilai-nilai ini akan menjadikan seseorang itu sentiasa berpegang dengan prinsip-prinsip agama yang kukuh. Lantaran itu, dua faedah didapati pertama; individu yang mengamalkannya akan sentiasa dipandang mulia dan keduanya; terjalinnya hubungan antara seseorang dengan seseorang atas dasar kasih sayang yang akrab. Perkara asas yang ingin disimpulkan oleh al-

⁸ Walaupun amalan nilai-nilai murni dianggap sebagai ukuran sejagat etika interpersonal, Rokeach di dalam penulisannya masih lagi mempertikaian tentang bentuk dan sumber nilai-nilai murni tersebut. Ini kerana sesetengah nilai-nilai murni yang diamalkan dianggap mempunyai maksud lain yang tersirat atau dengan lain perkataan mempunyai niat yang tidak baik, umpamanya amalan tersebut kadang-kadang dianggap sebagai 'mengampu' terutama sekali di dalam etika kerja dan perkhidmatan. Lihat penguraian yang lebih jelas di dalam Rokeach, M. 1973. *The Nature of Human Values*. New York: The Free Press.



Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit



Ghazali ialah dengan amalan nilai-nilai murni ini dapat menjaga dua hubungan, iaitu hubungan keagamaan dan hubungan interpersonal.

ii. Etika keperibadian mulia.

Etika keperibadian mulia ialah penonjolan sifat, perangai dan perwatakan mulia. Perkara ini mula-mula dibincangkan oleh Aristotle (384-322 S.M) dengan menggunakan perkataan 'virtues'. Di dalam dunia Arab perbincangannya menggunakan perkataan 'Fadhilah' atau 'Muruwwah'. Sifat, perangai dan perwatakan ini adalah merangkumi perlakuan keadilan, kemurahan hati, keberanian, kejujuran, kesabaran dan kebijaksanaan yang memainkan peranan penting di dalam moral. Kehidupan manusia sentiasa dilingkungi oleh sifat dan perwatakan tersebut samada dalam bentuk individu atau interpersonal. Sifat dan perwatakan ini sekaligus menjadi ukuran terhadap amalan moral seseorang selain daripada amalan nilai-nilai murni. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dikatakan orang yang mempunyai sifat dan perwatakan yang berlawanan dianggap sebagai manusia yang tidak mempunyai keperibadian mulia atau tidak beretika.

Etika keperibadian mulia memerlukan asuhan dan didikan yang sempurna. Ini kerana pada asasnya manusia dilahirkan serba boleh di dalam perlakuaninya. Ini bermakna disamping mempunyai etika keperibadian mulia, manusia juga mempunyai etika yang berlawanannya tengganya. Oleh itu, kecenderungan untuk tidak beretika juga adalah salah satu darri sifat semulajadi manusia.

iii. Kemoralan sosial.

Iaitu etika yang berkaitan perlakuan manusia di dalam masyarakatnya. Perlakuan ini asalnya dinyatakan di dalam bentuk percakapan dan akhirnya dibuktikan melalui perbuatannya. Contohnya, etnik Jawa umpamanya berpegang kepada peraturan tradisi bahawa sesuatu permintaan tidak boleh terus ditolak dengan jawapan 'Mboten' (tidak), jawapan yang lebih baik dan tepat ialah 'Enggih' (ya) dan jika permintaan itu terpaksa ditolak, alasannya dinyatakan dengan penuh sopan dan tertib. Perlakuan bergini dianggap sebagai sesuatu yang biasa pada masyarakat timur dengan alasan tidak mahu mengecilkan hati masyarakat sekeliling. Tataktromo ini adalah sebagai satu bentuk kemoralan sosial.

Tetapi kemoralan sosial ini perlu mengambil kira beberapa perkara. Antaranya ialah sensitiviti masyarakat, sensitiviti agama, sensitiviti individu dan keupayaan mengenalpasti sesuatu permintaan tersebut samada boleh



dicapai atau tidak. Perlakuan ini juga mestilah mengambil kira permintaan tersebut samada ianya bersifat mendatangkan faedah bersama atau sebaliknya. Praktik perlakuan ini sebenarnya telah memenuhi amalan etika interpersonal.

iv. Insan bermoral.

Insan bermoral lebih kepada dasar pembentukan keperibadian atau sahsiah mulia sekalipun tidak melibatkan individu atau masyarakat. Ini bermakna, individu itu sepatutnya berfikir tentang kebaikan insan bermoral berbanding dengan insan yang tidak bermoral. Selepas itu individu tersebut seharusnya menjadikan insan bermoral ini sebagai prinsip dalam mengatur hidupnya. Contohnya, individu yang sentiasa mempraktikkan membasuh pinggan sendiri selepas makan tanpa adanya suruhan. Maka, apabila makan dikelahayak ramai perlakuannya secara individu ini dijadikan prinsip dan tetap akan membasuh pinggan sendiri tanpa mengharapkan orang lain untuk membasuhnya.

Motivasi diri yang tinggi adalah asas kepada perlakuan insan bermoral ini. Oleh itu, seringkali dilihat mereka yang tidak mempunyai prinsip diri gagal di dalam mencapai sesuatu matlamat atau cita-cita. Ini kerana kejayaan itu datangnya daripada amalan prinsip atau amalan moral peribadi yang bersungguh-sungguh.

KEPENTINGAN NILAI DAN AMALAN ETIKA INTERPERSONAL

Terdapat beberapa kepentingan nilai dan amalan etika interpersonal ini dipraktikkan, antaranya;

Kepatuhan kepada ajaran agama-ini kerana sebahagian daripada etika dan tanggungjawab interpersonal terdapat di dalam ajaran agama. Bagi sesiapa yang mematuhi dia dianggap sebagai manusia yang menghormati ajaran agamanya.

Mengukur tahap kemuliaan manusia samada kemuliaan disisi tuhan atau kemuliaan sesama manusia-ini berkait rapat dengan tahap amalan ilai-nilai murni seseorang. Jika amalan nilai murni seseorang itu sempurna maka ia akan dianggap sebagai manusia yang mulia dan bergitulah sebaliknya.

Menjaga keharmonian mayarakat-amalan nilai dan etika interpersonal dikalangan mayarakat akan dapat mengelakkan perkara-perkara yang membawa keruntuhan institusi masyarakat seperti dendam, dengki, menindas dan seumpamanya.



Menjadi penguatkuasa kepada diri-iaitu asas untuk menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu yang tidak bermoral dan tidak beretika seperti melakukan jenayah dan sesuatu yang dianggap tidak baik oleh masyarakat.

Memahami sensitiviti individu, masyarakat dan agama-menjaga hubungan interpersonal adalah asas kepada mempelajari sempadan dan sensitiviti-sensitiviti yang wujud.

Mewujudkan semanngat kecintaan terhadap sesuatu- ianya bergantung kepada dasar dan untuk apa seseorang itu mengamalkan nilai dan etika interpersonalnya.

NILAI DAN AMALAN ETIKA INTERPERSONAL DI MALAYSIA

Memandangkan peri pentingnya nilai dan amalan etika interpersonal untuk manusia, wajarlah diberi gambaran ringkas tentang nilai dan amalan etika interpersonal ini dikalangan masyarakat majmuk di Malaysia yang didokong oleh tiga bangsa utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Ukuran kepada amalan nilai dan etika interpersonal ini adalah kewajaran hidup dalam satu sosial majmuk yang mengamalkan berbagai nilai agama, adat resam dan budaya. Tujuannya supaya wujud satu kesepakatan untuk sama-sama hidup harmoni di dalam sebuah negara.

Menurut Ho (1977), orang-orang Asia (termasuklah masyarakat di Malaysia) adalah satu kelompok masyarakat yang lebih menekankan pencapaian ketenteraman fikiran serta lebih cenderung kepada hal kerohanian dan agama berbanding masyarakat Barat. Mereka tidak menekankan dan terlalu mengejar kehidupan materialistik atau kekayaan. Orang-orang Asia menerima hakikat bahawa negara mereka sedang membngun dan banyak kekurangan keperluan asasi. Oleh itu, penilaian orang Asia sesama mereka dan orang yang luar dari Asia adalah berdasarkan kepada nilai moral dan bukan kekayaan. Mereka juga dianggap sebagai orang yang pasif dan tidak ganas dalam hubungan sosial. Kumpulan etnik ini lebih senang menyelesaikan sesuatu permasalahan mereka dengan menggunakan ikatan agama dan persepakatan.

Walaupun begitu, Ho cuba mengetengahkan ciri-ciri perbezaan manyarakat Asia yang disebabkan oleh berlainan negara, masyarakat, juga kerana faktor geografi, faktor politik, faktor bangsa dan banyak lagi faktor-faktor lain yang menjadi sempadan antara masyarakat Asia. Ini bermakna nilai orang Malaysia berbeza daripada masyarakat Asia lain, malah dikalangan orang Malaysia juga mempunyai nilai-nilai yang berbeza kerana



wujudnya amalan praktik adat resam dan budaya yang berbeza. Nnun, diakui bahawa sesetengah nilai dikongsi bersama oleh kaum-kaum di Malaysia. Misalnya, seperti yang diketengahkan oleh Muzaffar (1980) orang Melayu, Cina dan India mengamalkan nilai-nilai kekeluargaan yang tinggi sebagai asas kepada komuniti. Mereka menghormati ibu bapa, orang yang lebih tua dan orang yang bijaksana.

Menurut Tham (1977), budi pekerti, budi bahasa, pendidikan agama, pendidikan nilai dan simpati adalah keperihatinan utama di dalam kehidupan orang Melayu. Suatu keistimewaan bangsa ini ialah menganggap budi sebagai sesuatu yang berharga dan bernilai melebihi nilai-nilai materialistik. Budi adalah salah satu bentuk amalan nilai-nilai interpersonal yang terserah di kalangan masyarakat Melayu. Keunggulan budi dibentuk daripada nilai-nilai seperti baik hati, simpati, bertolak ansur, cenderung kepada sesuatu yang baik, kesyukuran dan kepekaan sosial. Lazimnya, budi dikaitkan dengan sikap mengambil berat terhadap orang lain dan orang yang berbudi akan diberi balasan yang serupa. Darjat seseorang itu diukur dari segi budinya. Budi diberi premium yang tinggi dalam skala nilai yang menentukan tingkah laku. Seseorang akan dianggap biadap, tidak sopan, hina atau kurang ajar jika tidak ada budi.

Di dalam membezakan kemoralan sosial masyarakat di Malaysia, Tham (1977) cuba pula menyelidiki amalan nilai-nilai di dalam masyarakat Cina. Menurut beliau masyarakat Cina di Malaysia mengutamakan nilai-nilai kekeluargaan yang harmonis dan stabil bergantung kepada pengurusan hubungan manusia serta sumber ekonomi yang kukuh. Terdapat dua sagnen amalan nilai dikalangan masyarakat Cina di Malaysia jika amalan nilainya adalah seperti yang dinyatakan. Pertama; amalan nilai-nilai kekeluargaan yang akan membawa kepada kehidupan yang harmonis. Ini termasuklah amalan menghormati ibu bapa, orang yang lebih tua malah nenek moyang sekalipun. Kedua; mengurus hubungan manusia berdasarkan kepada ekonomi yang kukuh. Ini termasuklah amalan nilai-nilai seperti rajin, berusaha, tidak bergantung kepada orang lain dan sempamanya.

Selanjutnya di dalam menggambarkan etnik India pula, Tham (1977) menggambarkan bahawa etnik ini adalah golongan tipikal yang kuat pegangan agamanya samada yang berbentuk ritual khas ataupun yang berbentuk kebudayaan. Oleh yang demikian, kitaran hidup masyarakat India ini adalah di dalam lingkungan agamanya. Ini bermakna nilai-nilai agama adalah panduan khas bagi masyarakat ini dalam menghadapi kehidupannya.



KESIMPULAN

Terdapat beberapa perkara penting yang boleh disimpulkan berkaitan dengan nilai dan amalan etika interpersonal. Antaranya;

i. Setiap individu itu mempunyai keperihadian yang seimbang antara yang baik dan yang buruk. Oleh itu, potensi untuk menonjolkan sesuatu yang baik itu bergantung kepada individu tersebut. Caranya ialah dengan amalan nilai-nilai murni dalam bentuk interpersonal. Jika amalan nilai-nilai murni ini diketengahkan di dalam kelompok masyarakat maka individu tersebut akan dianggap sebagai individu beretika.

Pegangan, didikan dan asuhan agama serta budaya adalah sumber yang kukuh untuk dijadikan sebagai dasar kepada amalan nilai-nilai interpersonal. Ini kerana nilai-nilai yang terkandung di dalam agama dan budaya telah sekian lama menjadi ukuran dan piawaian kepada perlakuan manusia. Ini bermaksud, jika seseorang itu berpegang teguh dengan amalan agama dan budayanya bermaksud individu tersebut mempraktikkan nilai-nilai interpersonal.


Nilai-nilai etika interpersonal di Malaysia lebih bersifat kepada bentuk etnik, iaitu setiap etnik mempunyai dan mempraktikkan nilai-nilai tersebut di dalam etnik mereka sendiri samada yang diperolehi daripada agama atau budaya. Di kluatir suatu hari nanti akan wujudnya sentimen yang berdasarkan kepada bangsa. Oleh itu, amalan nilai-nilai persamaan dalam etika interpersonal ini perlu lebih banyak diketengahkan dan dijadikan asas kepada pembentukan masyarakat majuk seterusnya.

RUJUKAN

- Al-Bukhari. 1988. *Terjemahan Hadis Sahih al-Bukhari*. Jilid 1,2,3 dan 4. Klang: Klang Book Centre.
- Al-Ghazali. 1988. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Salam.
- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. 1988. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Ho, W.M. 1977. *Asian Values and Modernization*. Dalam Seah, C.M. (Ed.). *Asian Values and Modernization*. Singapore: Singapore University Press.
- Hunter, G. 1966. *Southeast Asia: Race, Culture and Nation*. London: Oxford University Press.
- Ibn Taimiyyah. t.th. *al-Aqidah al-Wasitiyyah*. Beirut.
- Muslim. 1982. *Terjemahan Hadis Sahih Muslim*. Jilid 1,2,3 dan 4. Klang: Klang Book Centre.
- Rokeach, M. 1973. *The Nature of Human Values*. New York: The Free Press.
- Tham S.C. 1977. *Malays and Modernization*. Singapore: Singapore University Press.



Kajian Isu Dakwah: Etika Interpersonal



- Warnock, G.J. 1979. Introduction. Dalam Mills, J.S. Utilitarianism. Disunting oleh Warnock, M. Glasgow: Collins Fount Paperbacks.
1981. Contemporary Moral Philosophy. London: The Macmillan Press Limited.
- Ziauddin Sardar. 1996. Ensiklopedia Malaysiana. Jilid 4. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
1986. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.